

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 SEPTEMBER 2016

Jangan biarkan fitnah jadi 'gong politik' pembangkang

um- 11/9/2016

DALAM seminggu dua ini topik mengenai pilihan raya umum (PRU) ke-14 agak ketara diperbincangkan.

MCA sudah mengenal pasti senarai calonnya, MIC minta parti itu jangan diremehkan dalam saingan, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dike-tuai pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah pun didaftarkan manakala Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob tidak lagi mahu bertanding.

Semuanya ini berkisar pilihan raya umum yang dengar cakap akan diawalkan tahun depan. Bahkan, ada parti sudah pun membuka war room atau bilik gerakan pilihan raya sejak setahun lalu.

Adakah Barisan Nasional (BN) dan pakatan pembangkang sudah bersedia untuk memasuki gelanggang PRU yang dikatakan paling getir dalam sejarah pilihan raya di negara ini?

Bagi BN, cabarannya lebih hebat lagi kerana terpaksa berdepan dengan tohmahan dan dakyah pakatan pembang-



kang. Bagaimana kaedah untuk menanganinya akan menjadi kekuatan penting untuk parti itu mengekalkan mandat rakyat.

Seluruh ahli dan pemimpin BN harus bekerja keras melawan anasir pembawa dakyah ini.

Kadang-kala begitu senang sekali pembangkang memohon maaf selepas melempar fitnah. Ini termasuk mengemukakan maaf di mahkamah yang seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku.

Padahal dalam dua tiga tahun sebelum maaf 'dibacakan' di mahkamah, kebinasaan imej dan reputasi telah pun berlaku.

Mengapa sebilangan sayap kanan BN ada ketikanya sekadar 'tutup sebelah mata' dan memekakkan telinga?

Ini selepas Rafizi Ramli, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin dan Nurul Izzah Anwar selamba mengungkapkan seumpama ini: 'Maaf aku fitnah

kau', kosong-kosong ya'.

Jentera BN jangan keterlalu-an meyakini keputusan tiga pilihan raya sebelum ini (Sarawak, Sungai Besar dan Kuala Kangsar) atau diperkuatkan lagi angka besar seperti 3.6 juta ahli UMNO dan lebih sejuta ahli MCA, MIC serta Gerakan untuk menang PRU-14.

Jangan lupa, ahli DAP, PKR dan PAN tidak lebih 800,000 orang. Tetapi mereka telah memenangi nisbah undi popular dua musim pilihan raya umum berturut-turut.

Bahana apabila 'fitnah, putar belit dan tohmahan' dijadikan gong politik pembangkang, jangan pula membuatkan sayap-sayap komponen khuatir dan takut.

Jadi segan dan mula tunduk pula. Jangan lupa, bila pokok sudah condong, kura-kura pun naik - ular apatah lagi, biawak-pun ikut. Setiap ahli BN harus memikirkan hal ini. Bila kita kuat, orang segan. Bila kita lembut, orang sudu. Mesti pakai falsafah 'kendur berdenting-denting, tegang berjela-jela.'